

Headline	Petronas komited ke arah pembangunan lestari		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	15 Feb 2014	Circulation	173,387
Section	Dlm Negeri	Readership	699,000
Page No	5	ArticleSize	386 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 7,699
Journalist	Oleh ROSMAWATIMION	PR Value	RM 23,097
Frequency	Daily		



# Petronas komited ke arah pembangunan lestari

Oleh ROSMAWATIMION

DALAM tempoh 40 tahun penubuhannya, Petroliam Nasional Berhad (Petronas) tidak hanya menumpukan perhatian untuk membangun serta menambah nilai sumber-sumber minyak dan gas di Malaysia, tetapi pada masa sama tetap mementingkan usaha ke arah mewujudkan pembangunan lestari dengan menitikberatkan aspek-aspek keseimbangan persekitaran, pendidikan, sosial dan ekonomi bagi membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat negara ini.

Untuk itu, Petronas menggerakkan beberapa projek pembangunan lestari yang dibahagikan kepada tiga cabang utama iaitu pendidikan dan pembentukan kemahiran; pembangunan sosial dan kesedaran serta pemuliharaan alam sekitar.

"Objektif utamanya adalah untuk membantu masyarakat di kawasan-kawasan di mana Petronas beroperasi dan kemudian meluaskannya ke seluruh negeri di seluruh Malaysia," kata Ketua Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas, Norliza Kamaruddin.

Caranya, dengan memberikan sesuatu yang cukup bermakna dan bernilai kepada masyarakat iaitu melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan sumber-sumber yang diperlukan bagi membantu mereka mencapai aspirasi serta meningkatkan potensi diri.

Bagi kategori pendidikan dan pembentukan kemahiran, Petronas menggariskan beberapa inisiatif antaranya Program Sentuhan Ilmu bagi membantu meningkatkan prestasi pendidikan pelajar-pelajar kurang bernasib baik tidak kira untuk sekolah rendah maupun menengah. Sejak diperkenalkan pada tahun 2002, sebanyak 56 sekolah telah melaksanakan program tersebut. Bukan itu

sahaja, kakitangan Petronas juga akan turun padang melakukan aktiviti-aktiviti yang mampu menggalakkan pembangunan sahsiah diri positif pelajar-pelajar.

Bagi memastikan pelajar cemerlang terus dibantu, Petronas juga menyediakan Program

Biasiswa Pendidikan yang berperanan memberikan tajaan untuk membolehkan mereka menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) tidak kira di dalam maupun luar negara.

Selain itu, Petronas turut berusaha membantu meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan usahawan tempatan khususnya Bumiputera dengan mengetengahkan Program Pembangunan Vendor (VDP). Tujuannya untuk melahirkan usahawan yang mampu mengembangkan perniagaannya hasil daripada tunjuk ajar, pengetahuan dan bantuan Petronas.

## Pembangunan sosial

Petronas juga memperkenalkan Program Sentuhan Harapan dengan satu matlamat iaitu untuk membantu masyarakat keluar daripada kepo邦ong kemiskinan yang selama ini membenggu mereka.

Melalui program ini, keluarga miskin tegar yang telah dikenal pasti dengan bantuan Yayasan MyKasih akan diberi pengetahuan dan bantuan kewangan bulanan untuk membeli barang keperluan bagi meringankan beban mereka dan meningkatkan taraf hidup.

Petronas memberi mereka peluang mempelajari kemahiran yang boleh digunakan sebagai punca rezeki seperti kemahiran menjahit, berniaga dan sebaginya. Malah, Petronas turut membekalkan mereka peralatan yang diperlukan untuk

menjalankan aktiviti tersebut.

Bukan itu sahaja, keluarga yang terlibat juga diajar cara untuk memupuk gaya hidup sihat, menguruskan kewangan keluarga dan menjalankan perniagaan. Setakat ini seramai 13,500 telah mendapat bantuan melalui Program Sentuhan Harapan. Sebilangan anak-anak golongan ini diberi peluang untuk mengikuti Program Sentuhan Ilmu Petronas yang memberikan bantuan pendidikan.

Selain aspek kemiskinan, Petronas turut mengambil tahu perihal masalah-masalah sosial yang jika tidak dibendung mampu menghancurkan generasi akan

datang. Oleh itu, syarikat ini menjalankan kerjasama dengan Persatuan Pengasih Malaysia untuk Program Kenali Anak Kita yang bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, ibu bapa, guru dan pelajar-pelajar tentang perubahan kelakuan anak-anak, masalah dadah dan masalah sosial yang lain.

Norliza berkata, Petronas turut menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) sebagai usaha sepadu memerangi gejala dadah dalam kalangan generasi muda. Melalui program ini, guru dan pelajar dilatih sebagai ejen perubahan pencegahan dadah di sekolah dengan matlamat agar pelajar sekolah bebas daripada dadah.

Program yang memfokuskan aktiviti luar bilik darjah ini selari dengan usaha membangunkan modal insan yang memiliki ketahanan dan jati diri yang tinggi daripada segi fizikal, emosi, mental serta rohani.

Selain pembangunan modal insan, Petronas juga mengenal pasti kepentingan memulihara alam sekitar dan mempromosikan kepelbagaiannya di kawasan di mana ia beroperasi. Setelah beberapa tahun, Petronas telah menyokong usaha-usaha yang dilakukan kerajaan maupun pihak swasta untuk

Headline	Petronas komited ke arah pembangunan lestari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	5	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh ROSMAWATIMION	AdValue	RM 7,699
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,097

mengekalkan khazanah alam untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Salah satu usahanya adalah Projek Pemuliharaan Kanyon Imbak di Sabah yang merupakan kawasan hutan hujan yang kaya dengan flora, fauna serta kepelbagaian bio yang tinggi.

Dalam usaha pemuliharaan ini, Petronas menandatangani memorandum persefahaman dengan Yayasan Sabah pada tahun 2010 bagi menjadikan kawasan itu sebagai pusat pembelajaran dalam pemuliharaan kepelbagaian bio dan tabung genetik serta penerokaan potensi farmaseutikal dan bioteknologi.

Sebenarnya banyak lagi usaha yang dilakukan Petronas demi membantu masyarakat dan mewujudkan pembangunan lestari di negara ini. Apa yang diharapkan, komitmen dan usaha berterusan Petronas itu dapat mengubah taraf hidup masyarakat dan mensejahterakan bumi Malaysia di masa hadapan.



NORLIZA KAMALUDDIN